

PERSEPSI IBUBAPA TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DARI RUMAH (PDPR) BAGI MATAPELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH

PARENTS' PERCEPTION ON TEACHING AND LEARNING FROM HOME (PDPR) FOR PRIMARY SCHOOL ISLAMIC EDUCATION SUBJECTS

Ahmad Aimran Abdul Razak¹
Muhammad Daoh²
Norazly Nordin³

¹Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia, (E-mail: aimran0429@gmail.com)

²Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor, Malaysia, (E-mail: muhammad66@unisel.edu.my)

³Fakulti Pengurusan, Pendidikan & Kemanusiaan, Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Malaysia,
(E-mail: norazly@picoms.edu.my)

Article history

Received date : 21-3-2022
Revised date : 22-3-2022
Accepted date : 29-6-2022
Published date : 14-7-2022

To cite this document:

Abdul Razak, A. A., Daoh, M., & Norazly Nordin, N. (2022). Persepsi Ibumama Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Dari Rumah (PDPR) Bagi Matapelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(15), 1 - 9.

Abstrak: Ekoran dari pandemik covid-19 sekitar tahun 2020 yang lalu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan sesi pengajaran dan pembelajaran dilakukan di rumah secara atas talian (PDPR). Walaupun begitu, terdapat juga beberapa faktor yang mengakibatkan ketidakpuasan hati ibu bapa ketika sesi PDPR dijalankan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan ibu bapa. Mengetahui faktor ketidakpuasan hati ibu bapa terhadap PDPR dan mengetahui pandangan dan cadangan ibu bapa terhadap PDPR Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran borang soal selidik secara atas talian untuk mengumpul data daripada ibu bapa. Analisis data secara deskriptif dan inferensi dilakukan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science (SPSS)* versi 26. Dapatan kajian mendapati bahawa ibu bapa menunjukkan tahap kepuasan yang sederhana tinggi (3.72) terhadap PDPR. Namun terdapat juga beberapa faktor yang menyukarkan proses PDPR dijalankan dengan baik. Justeru, persediaan daripada ibu bapa sebelum memulakan sesi PDPR amat penting bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

Kata Kunci: Covid-19, pembelajaran atas talian, PDPR, tahap kepuasan, faktor ketidakpuasan.

Abstract: *As a result of Covid-19 pandemic around 2020, the Ministry of Education Malaysia has announced that teaching and learning sessions are conducted at home online (PDPR). However, there are also several factors that result in parental dissatisfaction when PDPR sessions are conducted. Therefore, the objective of this study was to identify the level of parental satisfaction. To know the factors of parents' dissatisfaction with the PDPR and to know the views and suggestions of parents on the PDPR of Islamic Education for Primary Schools. This study is a survey using quantitative methods through the distribution of online questionnaires to collect data from parents. Descriptive and inferential data analysis was performed using Statistical Package for the Social Science (SPSS) version 26. The findings of the study found that parents showed a moderately high level of satisfaction (3.72) with PDPR. However, there are also several factors that make it difficult for the PDPR process to run properly. Therefore, preparation from parents before starting the PDPR session is very important to ensure that teaching and learning activities run smoothly.*

Keywords: *Covid-19, online learning, PDPR, satisfaction level, dissatisfaction factor.*

Pengenalan

Dunia dikejutkan dengan kedatangan wabak penyakit berjangkit corona virus atau lebih dikenali covid-19. Penularan virus ini berasal dari Wuhan, China. Virus ini mula ditemukan pada akhir Disember pada tahun 2019 (Yuliana, 2020). Menurut laporan oleh *World Health Organization* (WHO) pada March 2020, virus ini merebak secara meluas dan telah membabitkan sehingga 65 negara. Pada peringkat awal, virus ini disangkakan hanya penyakit biasa yang membawa gejala seperti demam, sakit tekak, selsema dan juga batuk. Namun begitu, kajian mendapati bahawa jangkitan virus ini boleh membawa maut kerana ia boleh menyebabkan kegagalan multi organ termasuk kecederaan jantung, hati atau ginjal dan kegagalan pernafasan ataupun sindrom gangguan pernafasan .

Penularan virus ini telah memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat di seluruh dunia dari sudut aktiviti sosial, kesihatan, pendidikan, ekonomi, perubatan, transportasi dan telekomunikasi. Bagi membendung penularan virus covid-19, Kerajaan Malaysia memutuskan beberapa sektor ditutup termasuk sektor pendidikan seperti sekolah, kolej, universiti, pusat tuisyen dan sebagainya. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi memastikan murid-murid di sekolah mendapat pendidikan yang sempurna dan tidak ketinggalan.

PdPR merupakan Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). PdPR boleh dilaksanakan samaada secara atas talian ataupun luar talian secara berstruktur dan terancang. Selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), murid tidak dapat hadir ke sekolah atas sebab virus yang berleluasa. Oleh itu, PdPR diperkenalkan dan ditambah baik dari masa ke semasa bagi memenuhi pendidikan rakyat di Malaysia. Mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), setiap murid mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa hadapan walaupun dalam keadaan dunia dilanda musibah ataupun wabak.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif kajian yang berikut:

1. Mengenal pasti tahap kepuasan ibu-bapa terhadap PDPR Pendidikan Islam Sekolah Rendah.
2. Mengetahui perkara yang menimbulkan ketidak puasan hati ibu-bapa terhadap PDPR Pendidikan Islam Sekolah Rendah.
3. Mengambil kira cadangan dan pandangan ibu-bapa terhadap PDPR Pendidikan Islam Sekolah Rendah untuk penambah baik masa akan datang.

Kajian Literatur

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Ling & Surat (2021) yang telah dilakukan di Daerah Besut, Terengganu yang bertujuan untuk mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran atas talian berdasarkan tahap kepuasan dan halangan yang dihadapi. Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan, ibu-bapa berpuas hati dengan pembelajaran yang dilakukan secara atas talian. Namun, cabaran dan permasalahan utama yang dihadapi oleh ibu bapa ketika sesi pembelajaran atas talian ialah capaian internet yang tidak memuaskan dan juga kekangan masa ibu bapa disebabkan kerja untuk membantu anak dalam pembelajaran atas talian (Thanmalai & Baloh, 2021).

Di dalam kajian yang lain oleh Mustapah & Rosli (2021) berkenaan Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19 mendapati bahawa tahap kepuasan pembelajaran Matematik atas talian adalah tinggi dan mendapat maklum balas yang sangat baik. Kajian ini difokuskan kepada pelajar yang bakal menduduki SPM tahun 2020 kerana pelajar ini lebih terkesan dengan perubahan kaedah pembelajaran secara mengejut disebabkan oleh wabak COVID-19 yang menular dengan cepat di seluruh dunia. Hasil kajian juga mendapati bahawa tiada jurang perbezaan peratusan yang tinggi tahap kepuasan di antara pelajar sekolah kerajaan dan pelajar persendirian ataupun swasta. Walaupun mendapat kepuasan yang tinggi, masih ada sebilangan calon SPM yang lebih gemar dan suka sesi PdP dijalankan secara bersemuka. Hal ini kerana, pelajar berasa mudah untuk berkomunikasi, melakukan perbincangan, mudah memahami konsep matematik dan dapat meningkatkan pemahaman pembelajaran matematik secara terus.

Bagi aspek matapelajaran Pendidikan Islam pula, satu kajian yang dijalankan oleh Muhammad Hafiy Abdul Rashid & Mumtazah Narowi (2021) mendapati bahawa guru berdepan dengan kesukaran untuk menjalankan dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian terutama pada aspek praktikaliti Ibadah kerana guru tidak dapat memantau secara langsung. Amali ibadah hanya dapat dipantau secara maya dan ini menyukarkan guru untuk membuat penilaian dan pemantauan. Begitu juga pada aspek penilaian *tasmik Al Quran*. Hal ini kerana guru tidak dapat benar-benar memastikan pelajar tidak membuat rujukan semasa amali *tasmik* dan sepenuhnya bergantung kepada kejujuran pelajar (Norhidayati, 2020).

PdPR ini bukan sahaja berlaku diperingkat sekolah rendah dan menengah sahaja tetapi juga melibatkan peringkat tinggi samada institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S). Isu dan cabaran yang dihadapi juga hampir sama walaupun berbeza peringkat pengajian. Menurut Mahathir dan Wardatul (2021) kekangan yang dihadapi oleh para mahasiswa ketika PdPR ini adalah capaian internet yang kurang memuaskan, suasana pembelajaran yang tidak kondusif selain terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih bagi melanggan data internet untuk tujuan pembelajaran. Kajian yang berbentuk kualitatif ini juga menunjukkan mengenai kecenderungan para mahasiswa untuk memilih pembelajaran dijalankan secara bersemuka berbanding dengan

pembelajaran secara dalam talian. Selain itu, para mahasiswa juga terpaksa berbelanja dengan lebih untuk melanggan data internet bagi tujuan pembelajaran dalam talian. Perkara ini juga menjadi beban dan penghalang dalam pelaksanaan PdPR (Adnan & Anwar, 2020).

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui edaran borang soal selidik secara atas talian untuk mengumpul data. Responden yang terlibat adalah para ibubapa murid sebuah kelas Sekolah rendah di Daerah Kuala Selangor. Seramai 30 orang ibubapa dan penjaga yang terlibat di dalam kajian ini. Teknik analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan min, peratusan dan sisihan piawai untuk menentukan tahap kepuasan dan persepsi ibubapa mengenai PdPR Pendidikan Islam di sekolah rendah. Interpretasi nilai min yang digunakan di dalam kajian ini adalah merujuk kepada kajian oleh Nur Hawa & Ghazali (2018) seperti jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Interpretasi nilai Min

| Nilai Min | Interpretasi |
|-------------|---------------|
| 1.00 – 1.80 | Sangat rendah |
| 1.81 – 2.60 | Rendah |
| 2.61 – 3.40 | Sederhana |
| 3.41 – 4.20 | Tinggi |
| 4.21 – 5.00 | Sangat tinggi |

Instrumen kajian

Borang Soal Selidik telah diedarkan untuk mendapatkan persepsi para ibubapa mengenai PdPR bagi matapelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah. Soal selidik ini mengandungi lima skala likert iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju di dalam setiap item soalan soal selidik. Jadual 2 di bawah menunjukkan skor dan pernyataan bagi skala likert yang digunakan di dalam kajian ini.

Jadual 2: Skor dan pernyataan skala likert kajian

| Pernyataan | Skor |
|---------------------|------|
| Sangat Setuju | 5 |
| Setuju | 4 |
| Tidak Pasti | 3 |
| Tidak Setuju | 2 |
| Sangat Tidak Setuju | 1 |

Borang ini mempunyai empat bahagian yang terdiri daripada Bahagian A: Demografi responden, Bahagian B mengenai tahap kepuasan ibubapa terhadap PdPR Pendidikan Islam, Bahagian C Kesukaran yang dialami dan Bahagian D mengenai Cadangan dan penambahbaikan. Ringkasan mengenai instrumen kajian adalah seperti di Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Borang Soal Selidik Kajian

| Bahagian | Perkara | Item |
|-------------------|---|------------|
| Bahagian A | Demografi/ Latar Belakang Responden | Item A1-A3 |
| Bahagian B | Persepsi Ibu-Bapa terhadap PdPR Pendidikan Islam | Item B1-B6 |
| Bahagian C | Kesukaran yang dialami oleh ibubapa | Item C1-C5 |
| Bahagian D | Cadangan dan pandangan ibu-bapa untuk penambahbaikan PdPR | Item D6-D7 |

Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menjelaskan hasil analisis kajian yang telah dijalankan ke atas ibubapa dan penjaga bagi murid yang menyertai PdPR Pendidikan Islam di sebuah kelas di Sekolah rendah di Negeri Selangor.

Analisis Demografi responden kajian.

Hasil kajian mendapati 60% (n=18) daripada responden kajian adalah terdiri daripada kaum ibu, 13.3% (n=4) adalah bapa manakala 26.7% (n=8) adalah penjaga kepada murid di sebuah kelas yang mengikuti PdPR Pendidikan Islam. Bagi kategori umur pula 43.3% (n=13) adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 30 tahun, 43.3% (n=13) berumur antara 30 hingga 40 tahun dan 13.3% (n=4) adalah mereka yang berumur 40 hingga 50 tahun. Bagi tahap pendidikan pula, majoriti ibubapa berkelulusan SPM iaitu 53.3% (n=16) diikuti dengan Ijazah Sarjana muda sebanyak 26.7% (n=8) dan Diploma 20% (n=6). Jadual 4 di bawah adalah perincian bagi analisis demografi responden bagi kajian ini.

Jadual 4: Analisis demografi responden

| | Item | N | % |
|------------------------------|---------------------|----|------|
| Hubungan dengan murid | Ibu | 18 | 60 |
| | Bapa | 4 | 13.3 |
| | Penjaga | 8 | 26.7 |
| Umur | 20-30 tahun | 13 | 43.3 |
| | 30-40 tahun | 13 | 43.3 |
| | 50-60 tahun | 4 | 13.3 |
| Tahap pendidikan | SPM | 16 | 53.3 |
| | Diploma | 6 | 20 |
| | Ijazah Sarjana Muda | 8 | 26.7 |
| | Ijazah Sarjana | 0 | 0 |
| | Ijazah Kedoktoran | 0 | 0 |

Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kelas PdPR Pendidikan Islam Murid Sekolah Rendah

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan nilai min menunjukkan interpretasi yang tinggi. Nilai min yang tertinggi adalah pada item B1 (min=3.97) diikuti dengan item B2 (min=3.87), item B6 (min=3.83), item B3 (min=3.77), item B5 (min=3.53) dan satu item menunjukkan bacaan yang sederhana iaitu item B4 (min=3.40). Jadual 5 di bawah menunjukkan dapatan min dan interpretasi bagi setiap item persepsi ibubapa terhadap PdPR Pendidikan Islam di Sekolah rendah.

Jadual 5: Persepsi ibubapa terhadap PdPR Pendidikan Islam Sekolah rendah.

| Item | Min | Sisihan Piawaian | Interpretasi |
|--|-------------|------------------|---------------|
| 1. Sistem PDPR Pendidikan Islam dijalankan dengan baik dan sistematik | 3.97 | 0.765 | Tinggi |
| 2. PDPR Pendidikan Islam memberi kesan yang optimum terhadap pembelajaran anak-anak | 3.87 | 1.008 | Tinggi |
| 3. Anak-anak berasa seronok ketika menghadiri kelas PDPR Pendidikan Islam | 3.77 | 1.040 | Tinggi |
| 4. PDPR Pendidikan Islam memberi lebih banyak kesan baik berbanding kelas secara fizikal | 3.40 | 1.329 | Sederhana |
| 5. Ibu bapa berasa seronok ketika anak menghadiri kelas secara PDPR Pendidikan Islam | 3.53 | 1.224 | Tinggi |
| 6. Guru memberikan penjelasan yang jelas ketika sesi PDPR Pendidikan Islam | 3.83 | 1.147 | Tinggi |
| Nilai Min Keseluruhan | 3.73 | 0.93514 | Tinggi |

Kekangan PdPR Pendidikan Islam

Dapatan kajian mendapati bahawa item 2 mendapat nilai min yang tertinggi ($M=4.43$, $SP=0.774$). Responden bersetuju kekangan PdPR atau pembelajaran atas talian adalah capaian internet yang tidak memuaskan. Manakala item 3 menunjukkan nilai min yang terendah ($M=2.67$, $SP=1.155$). Hasil kajian juga mendapati bacaan Min yang tinggi bagi item-item yang lain iaitu item 1 ($min=4.17$), item 4 ($min=3.63$) dan item 5 ($min=3.62$). Keseluruhan min dalam interpretasi mendapati sederhana tinggi ($M=3.7067$, $SP=0.70414$).

Jadual 4: Kekangan PdPR Pendidikan Islam

| Item | Min | Sisihan Piawaian | Interpretasi |
|---|---------------|------------------|---------------|
| 1. Kekurangan alatan digital | 4.17 | 0.913 | Tinggi |
| 2. Capaian internet yang tidak memuaskan | 4.43 | 0.774 | Sangat tinggi |
| 3. Guru yang kurang berkemahiran di dalam pembelajaran atas talian | 2.67 | 1.155 | Sederhana |
| 4. Suasana yang tidak kondusif | 3.63 | 1.159 | Tinggi |
| 5. Kekurangan penyediaan bahan pendidikan ketika sesi PDPR dijalankan | 3.63 | 1.159 | Tinggi |
| Nilai Min Keseluruhan | 3.7067 | 0.70414 | Tinggi |

Cadangan Dan Pandangan Ibu-Bapa Untuk Penambahbaikan Di Dalam Sektor Pendidikan untuk Masa Akan Datang.

Item 3 mendapati jumlah min yang tertinggi ($M=3.50$, $SP=0.777$) iaitu guru perlu meningkatkan kemahiran terhadap teknologi komunikasi dan maklumat. Manakala item 5 mendapat jumlah min yang terendah ($M=3.90$, $SP=1.094$). Responden kurang bersetuju murid perlu membuka mikrofon dan layar video ketika sesi PDPR berlangsung. Item 1 pula menunjukkan responden bersetuju pihak berwajib seperti sekolah perlu menyediakan alatan untuk PDPR seperti tablet, telefon pintar, komputer riba dan lain-lain kepada golongan kurang berkemampuan ($M=4.40$, $SP=0.770$). Manakala item 6 juga mendapat jumlah min yang sama dengan item 1 ($M=4.40$,

SP=0.770). Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menyediakan dasar yang jelas bagi memudahkan guru dan juga murid. Keseluruhan min dalam interpretasi yang tinggi (M=4.2952, SP=0.62993).

Jadual 5: Cadangan dan Penambahbaikan

| Item | Min | Sisihan Piawaian | Interpretasi |
|---|------|------------------|---------------|
| 1. Pihak bertanggungjawab seperti sekolah menyediakan alatan gajet seperti tablet kepada golongan kurang berkemampuan | 4.40 | 0.770 | Sangat tinggi |
| 2. Guru memberi fokus yang lebih terhadap murid yang tinggal di luar bandar dan kawasan pedalaman | 4.27 | 0.740 | Sangat tinggi |
| 3. Guru meningkatkan kemahiran terhadap teknologi komunikasi dan maklumat | 4.50 | 0.777 | Sangat tinggi |
| 4. Guru melahirkan suasana yang kondusif dan menyeronokkan | 4.37 | 0.890 | Sangat tinggi |
| 5. Murid wajib membuka mikrofon dan layar video ketika sesi PDPR berlangsung | 3.90 | 1.094 | Tinggi |
| 6. Pihak berwajib menyediakan dasar yang jelas untuk kelas PDPR atau kelas secara atas talian | 4.40 | 0.770 | Sangat Tinggi |
| 7. Pihak berwajib menyediakan latihan bersesuaian untuk guru mengenai kelas PDPR dan kelas atas talian | 4.23 | 0.971 | Sangat Tinggi |
| Nilai Min Keseluruhan | 4.23 | 0.62993 | Sangat Tinggi |

Perbincangan dan cadangan kajian lanjutan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, didapati bahawa ibubapa mempunyai persepsi yang baik terhadap pelaksanaan PdPR bagi pendidikan Islam di Sekolah Rendah. Akan tetapi dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi ibubapa bagi mengenai PdPR adalah lebih baik berbanding kelas bersemuka adalah pada tahap sederhana. Ada segelintir ibubapa yang merasakan PdPR lebih baik dan segelintir lagi tidak. Perkara ini boleh disebabkan oleh beberapa faktor seperti PdPR menjimatkan masa dan fleksibiliti (Krishnan, Ching & Ramalingam, 2020 dan Izumi et.al, 2020). Akan tetapi PdPR juga menghadkan pergerakan dan pergaulan kanak-kanak di samping kerisauan ibubapa terhadap kesan penggunaan gajet ke atas kesihatan (Nordin, 2021). Selain daripada itu, perkara ini juga selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Li (2020) yang mendapati bahawa pembelajaran secara dalam talian tidak menjadi efektif kerana berdepan dengan pelbagai masalah.

Jika kita lihat pada kekangan pula, antara yang menjadi perbincangan adalah kekurangan alatan digital dan juga masalah pada jaringan internet sering kali menjadi permasalahan dan ketidakpuasan dalam menjalani PdPR. Perkara ini juga telah dibincangkan di dalam kajian-kajian dalam pelaksanaan PdPR atau pun isu-isu di dalam penggunaan ICT dalam pendidikan (Mahathir & Wardatul, 2021; Nordin & Bacotang, 2021; dan Ling & Surat, 2021). Selain itu, kekangan yang dihadapi juga adalah ruangan yang tidak kondusif yang menyukarkan lagi PdPR berlaku (Kumi, Doghey, Yuan & Smith, 2020). Melihat kepada senario pada hari ini di mana internet adalah satu keperluan dalam bidang pendidikan, pihak berwajib hendaklah melihat serius isu ini dan berusaha semaksimanya untuk menyelesaikan. PdPR kini dilihat satu alternatif

dan berkemungkinan akan menjadi dasar kepada pendidikan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kemahiran para guru dalam mengendalikan ICT ini juga perlulah diberikan perhatian agar PdPR ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan. (Roddy et. al, 2017).

Sebagai cadangan lanjutan, adalah dicadangkan untuk pengkaji membuat satu kajian seperti ini pada skala yang lebih besar bagi mendapatkan persepsi dan kepuasan ibubapa dalam PdPR dan tidak hanya berfokus kepada pendidikan Islam sahaja tetapi mencakupi matapelajaran yang lain. Selain itu, adalah dicadangkan juga agar ada kajian lanjutan mengenai pembangunan modul pembelajaran pendidikan islam sekolah rendah untuk PdPR agar ianya boleh dijadikan modul yang komprehensif untuk pada guru menjalankan PdPR bagi pendidikan Islam.

Kesimpulan

PdPR kini dilihat satu keperluan dan pendidikan di Malaysia bergerak seiring dengan arus perubahan semasa. Oleh itu, untuk menjadinya ianya lebih teratur, berkesan dan menyeronokkan beberapa langkah penambahbaikan perlu dilaksanakan oleh pihak tertentu berdasarkan cadangan-cadangan dan kajian-kajian yang telah dilaksanakan. Maka dengan itu, PdPR akan dapat terus diperkasakan dan menjadi satu medium untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Rujukan

- Adnan, M., & Anwar, K. (2020). Online Learning amid the COVID-19 Pandemic: Students' Perspectives. *Online Submission*, 2(1), 45-51.
- Ahmad Saifudin, N. H., & Hamzah, M. I. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250–264. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Izumi, T., Sukhwani, V., Surjan, A., & Shaw, R. (2020). Managing and responding to pandemics in higher educational institutions: initial learning from COVID-19. *International Journal of Disaster Resilience in the Built Environment*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Versi 2. Kementerian Pendidikan Malaysia, 1–12. <https://www.moe.gov.my/en/muat-turun/pekeliling-dan-garis-panduan/suratsiaran/bahagian-pengurusan-sekolah-harian/4081-manual-pengajaran-dan-pembelajaran-versi-2-2-feb-2021-1/file>
- Krishan, I. A., Ching, H. S., Ramalingam, S., Maruthai, E., Kandasamy, P., De Mello, G., ... & Ling, W. W. (2020). Challenges of Learning English in 21st Century: Online vs. Traditional During Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(9), 1-15.
- Kumi Yeboah, A., Dogbey, J., Yuan, G., & Smith, P. (2020). Cultural Diversity in Online Education: An Exploration of Instructors' Perceptions and Challenges. *Teachers College Record*, 122(7).
- Li, J., Wong, S. C., Yang, X., & Bell, A. (2020). Using feedback to promote student participation in online learning programs: Evidence from a quasi-experimental study. *Educational Technology Research and Development*, 68(1), 485-510.
- Ling, T. C., & Surat, S. (2021). Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Atas Talian Berdasarkan Tahap Kepuasan Dan Halangan Yang Dihadapi. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 1–15.
- Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian: Kajian Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Journal of Media and Information Warfare* 14(1), 11-20.

- Muhammad Hafiy Abdul Rashid & Mumtazah Narowi. (2021). Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Secara Dalam Talian: Perspektif Guru Di Sekolah Maahad Hafiz, Klang. *Journal of Ma'alim al-Quran wa alSunnah*. 17, 114-128.
- Mustapah, J., & Rosli, R. (2021). Tahap Kepuasan Pembelajaran Matematik Atas Talian Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(4), 1–20. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i4.752>
- Nasir, N. and Mansor, M. (2021) “Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 416 - 421. doi:10.47405/mjssh.v6i7.854.
- Nordin, N., & Bacotang, J. (2021). Issues and trends the usage of information and communication technology in early childhood education. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(1), 99-107.
- Roddy, C., Amiet, D., Chung, J., Holt, C., Shaw, L., McKenzie, S., Garivaldis, F., Lodge, J. and Mundy, M. (2017). Applying Best Practice Online Learning, Teaching, and Support to Intensive Online Environments: An Integrative Review. *Frontiers in Education*, 2.
- Thannimalai, T., & Baloh, S. (2021). Cabaran PDPR bahasa Tamil di sekolah luar bandar [Challenges of Tamil language PDPR in rural schools]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 183-190.
- Yuliana, Y. (2020). Corona virus diseases (Covid-19): Sebuah tinjauan literatur. *Wellness And Healthy Magazine*, 2(1), 187–192. <https://doi.org/10.30604/well.95212020>